

600,000 isi rumah M40 kini jatuh ke kumpulan B40

Kuala Lumpur: Lebih kurang 600,000 isi rumah daripada kumpulan isi rumah M40 yang berpendapatan antara RM4,850 dan RM10,959 sebulan jatuh ke kumpulan B40, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau memberi reaksi itu ketika menjawab soalan **Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson)** dalam sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, berdasarkan dapatan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menerbitkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan pada Ogos lalu, pendapatan purata kasar bulanan isi rumah di negara ini menurun.

"Berdasarkan laporan ini, pendapatan purata kasar bulanan isi rumah menurun 10.3 peratus daripada RM7,901 pada 2019 kepada RM7,089 pada 2020 (tahun lalu).

"Selain itu, insiden kemis-

kinan meningkat kepada 8.4 peratus membabitkan 639,800 isi rumah berbanding dengan 5.6 peratus atau 405,400 isi rumah pada 2019," katanya.

Beliau berkata, bagi meringankan beban individu dan isi rumah yang terkesan, kerajaan menyediakan pelbagai bentuk bantuan di bawah lapan pakej rangsangan ekonomi antaranya Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Bantuan Khas Covid-19 (BKC) fasa satu yang berjumlah RM24.9 bilion.

"Ini membantu 10.9 juta individu dan isi rumah, selain itu moratorium bayaran balik pinjaman kepada lebih tujuh juta peminjam diberikan.

"Diskaun bil elektrik sebanyak RM3.14 bilion yang memanfaatkan 8.8 juta individu dan isi rumah," katanya.

Selain itu, beliau berkata, inisiatif kerajaan mewujudkan RM300,000 kepada setiap Ahli Parlimen termasuk da-

lam kalangan pembangkang bagi melaksanakan Bantuan Bakul Makanan, memanfaatkan lebih kurang 375,000 penerima.

"Kerajaan juga mengekalkan dan mewujudkan pekerjaan termasuk program Subsidi Upah yang membantu kira-kira 300,000 majikan dan mengekalkan lebih 2.7 juta pekerjaan.

"Bagaimanapun, bantuan ini bersifat jangka pendek. Bagi jangka sederhana dan panjang, kerajaan akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli, terutama isi rumah miskin dalam kalangan B40," katanya.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri menjelaskan kerajaan akan menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan, menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan.